

13/06/1999

Dari Jalan Young ke Putrajaya

Halmi Samad

NASI lemak di Bukit Tang Ling cukup tersohor di Kuala Lumpur. Kecuali Ahad, pemandangan pagi di gerai nasi lemak Jalan Young, atau sekarang dikenali sebagai Jalan Cenderasari, cukup sesak.

Di hujung sudut berdekatan gerai nasi lemak, berdiri beberapa bangunan kerajaan termasuk Jabatan Perdana Menteri (JPM), Jabatan Perangkaan Malaysia dan Kementerian Kesihatan.

Mungkin tidak ramai yang tahu JPM dan beberapa kementerian penting di negara ini pernah berpusat di Bukit Tang Ling. Ramai menyangka, JPM sejak dulu berpangkalan di Jalan Datuk Onn.

Jika ditanya JPM berhampiran Bukit Tang Ling, mungkin banyak yang tidak tahu. Namun, nasi lemak Tang Ling yang terkenal dan sedap sejak awal tahun 50-an, masih gah di Kuala Lumpur.

Menurut cerita, pemerintah Inggeris memilih untuk menjadikan Bukit Tang Ling pusat pentadbiran kerana tempat dan udara bukit yang nyaman.

Kehadiran peniaga nasi lemak Tang Ling menenggelamkan JPM dan beberapa jabatan di situ.

Pada awal tahun 1960-an, kerajaan memutuskan untuk memindahkan pusat pentadbiran, termasuk JPM dari Jalan Young ke Jalan Datuk Onn. Yang tinggal di Jalan Cenderasari, hanyalah Kementerian Kesihatan. Keputusan itu meleraikan ikatan sejarah suka duka di Jalan Young atau Jalan Cenderasari.

Pada 1972, kerajaan mengumumkan untuk membina sebuah kompleks pentadbiran yang antara lain menempatkan pejabat Timbalan Perdana Menteri. Blok pertama kompleks direka oleh Nik Mohamed Nik Mahmood. Ia membabitkan perbelanjaan RM3.3 juta. Sebelum itu, Nik Mohamad dipertanggungjawabkan mereka bentuk bangunan Bank Negara.

Dua belas tahun selepas itu iaitu pada 3 Mei 1982, kakitangan jabatan kerajaan, termasuk JPM terpaksa 'menjadi pelarian sementara' sesudah bangunan di Jalan Datuk Onn terbakar.

Kebakaran itu menyebabkan bangunan bawah pejabat Perdana Menteri yang menjadi bilik persidangan Kabinet rosak teruk. Pejabat pembantu khas PM, Engku Anuar Wok Abdul Rahman dan penasihat khas ekonomi kepada PM, Raja Tan Sri Mohar Raja Badiozaman, turut terjejas.

Kerana itu, semua kakitangan JPM termasuk Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad (ketika kebakaran, PM berada di Jepun) terpaksa berpejabat sementara di bangunan Parlimen.

Musim berpindah tiba lagi selepas berpuluh tahun JPM dan beberapa jabatan kerajaan menghuni Jalan Datuk Onn. Namun, kali ini, perpindahan itu bukan sekadar beberapa kilometer, tetapi lebih 25 kilometer, dari Jalan Datuk Onn ke Putrajaya berdekatan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang, Selangor.

Era komputer, kecanggihan teknologi, pelaksanaan Koridor Raya Multimedia dan kelajuan sumber ekonomi menyebabkan kerajaan merasakan perlunya pusat pentadbiran Persekutuan yang baru.

Kerana kesesuaian lokasi Putrajaya, kerajaan membelanjakan lebih RM5 bilion untuk menempatkan hampir semua kementerian apabila beroperasi kelak.

Kerajaan sudah berbelanja RM400 juta bagi membina kemudahan awam dengan baki perbelanjaan RM4.6 bilion ditanggung syarikat pemaaju. Mengikut perencanaan asal, Putrajaya dirancang bandar taman bestari meliputi kawasan seluas 4,581 hektar. Ia berdekatan Cyberjaya, bandar raya pintar

pertama di dunia.

Ciri keistimewaannya bandar raya dalam taman ialah 70 peratus daripada 4,400 hektar kawasan dirancang meliputi pohon hijau, taman bunga, pusat rekreasi, taman air, tasik dan tanah berpaya. Pembangunan Putrajaya turut membabitkan kawasan hijau dan tasik 600 hektar.

JPM dan kediaman rasmi Perdana Menteri dibina dalam fasa pertama membabitkan kawasan 1,527 hektar. Pusat pentadbiran baru kerajaan bernilai RM20 bilion mengandungi 20 bangunan kerajaan di kawasan seluas 239 hektar, komersil (130 hektar), perumahan (1,155 hektar), kemudahan awam (441 hektar), sivik dan kebudayaan (10 hektar), kemudahan prasarana (849 hektar) serta selebihnya kawasan terbuka.

(END)